



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A), syarikat insurans hayat terbesar di Malaysia telah melancarkan Skim Insurans Berkelompok Pelbagai Manfaat berserta pelaburan dalam Dana Lion Balanced seperti ilustrasi di bawah. Skim ini melindungi semua ahli **KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN MALAYSIA** (mana yang berkenaan), pasangan dan anak-anak mereka yang sah. Skim ini juga menyediakan perlindungan terhadap 36 penyakit kritikal.

SERENDAH RM 1.46 / RM 2.93 / RM 4.40 SEHARI

Perlindungan yang disediakan di bawah skim ini			
<i>Manfaat</i>	Jumlah Asurans		
	Premium bulanan RM 40 + 4 (elaun kemasukan hospital)	Premium bulanan RM 80 + 8 (elaun kemasukan hospital)	Premium bulanan RM 120 + 12 (elaun kemasukan hospital)
36 Penyakit Kritikal **	RM 40,000	RM 80,000	RM 120,000
Kematian akibat Sakit*	RM 40,000	RM 80,000	RM 120,000
Kematian akibat Kemalangan**	RM 80,000	RM 160,000	RM 240,000
Hilang Upaya Total dan Kekal ("TPD") (Akibat Sakit)***	RM 40,000	RM 80,000	RM 120,000
Hilang Upaya Total dan Kekal ("TPD") (Akibat Kemalangan)***	RM 80,000	RM 160,000	RM 240,000
Elaun Kemasukkan Hospital (Hospital Kerajaan)**	RM 120 / sehari	RM 240 / sehari	RM 300 / sehari
Elaun Kemasukkan Hospital (Hospital Swasta)**	RM 80 / sehari	RM 160 / sehari	RM 240 / sehari
Elaun Perubatan (Hospital Swasta Sahaja)**	RM 900	RM 2,400	RM 3,600
Perbelanjaan pengebumian *	RM 2,000		
Jumlah Nilai Pelaburan (NAV)	(Berdasarkan Nilai Aset Bersih "NAV")		

* perlindungan sehingga mencapai umur 75 tahun hari jadi berikutnya

** perlindungan sehingga mencapai umur 70 tahun hari jadi berikutnya

*** perlindungan sehingga mencapai umur 65 tahun hari jadi berikutnya

KELEBIHAN SKIM INI

- Amaun premium adalah sama untuk semua umur.
- Bayaran premium automatik melalui potongan bank atau kad kredit untuk memastikan perlindungan berterusan.
- Premium lebih rendah berbanding polisi individu.
- Pengeluaran tunai sewaktu kecemasan dengan penebusan unit.
- Penyertaan boleh diteruskan sehingga umur 75 tahun hari jadi berikutnya.
- Salah satu ciri istimewa skim ini adalah anda boleh menjual sebahagian unit dalam dana anda selepas menyumbang sekurang-kurangnya 12 bulan.

KELAYAKAN & PENYERTAAN

- Ahli-ahli (pekerja-pekerja) dan pasangan yang sah berumur antara 19 hingga 60 tahun hari jadi berikutnya.
- Anak-anak berumur antara 30 hari hingga 19 atau 23 tahun hari jadi berikutnya untuk pelajar sepenuh masa. Hanya berkenaan untuk anak-anak yang belum berkahwin dan bekerja sahaja.
- Perlindungan untuk tanggungan hanya boleh dilanjutkan jika ahli (pekerja) menyertai skim ini.

SYARAT UNTUK PENYERTAAN ANAK

- Anak-anak hanya boleh menyertai skim ini jika pasangan yang sah bagi ahli (pekerja) menyertai skim ini.
- Penyertaan anak-anak mesti mengikut turutan daripada yang muda hingga yang tua (Cadangan diterima dengan pengunderaitan ringkas sahaja).
- Kegagalan memenuhi keperluan di atas akan menyebabkan pelan hayat yang diasuranskan terbatal daripada permulaan dan semua premium yang diterima berkaitan dengan hayat yang diasuranskan akan dikembalikan sewajarnya.

36 PENYAKIT KRITIKAL		
1) Serangan Jantung	14) Pembedahan Aorta	25) Trauma Kepala yang Teruk
2) Strok	15) Hilang Pertuturan	26) Anemia Aplasia
3) Penyakit Arteri Koronari yang Memerlukan Pembedahan	16) Penyakit Alzheimer / Gangguan Otak Degeneratif Organik yang Tidak Dapat Dipulihkan	27) Distrofi Otot
4) Kanser	17) Terbakar Teruk	28) Tumor Otak Benigna
5) Kegagalan Buah Pinggang	18) Koma	29) Ensefalitis
6) Hepatitis Virus Fulminan	19) Penyakit yang Membawa Maut	30) Poliomiellitis
7) Pemindahan Organ Utama	20) Penyakit Neuron Motor	31) Pembedahan Otak
8) Lumpuh / Paraplegia	21) AIDS akibat Pemindahan Darah	32) Meningitis Bakteria
9) Sklerosis Berbilang	22) Penyakit Parkinson	33) Penyakit Arteri Koronari Teruk yang Lain
10) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	23) Penyakit Hati yang Kronik	34) Sindrom Apalik
11) Buta	24) Penyakit Paru-paru yang Kronik	35) Perlindungan AIDS untuk Kakitangan Perubatan
12) Penggantian Injap Jantung		36) AIDS Peringkat Akhir
13) Hilang Pendengaran / Pekak		
Penyakit Kritikal mestilah memenuhi takrif penuh dan lengkap seperti dinyatakan dalam Polisi Induk bagi membolehkan tuntutan sebarang 36 penyakit kritikal boleh dibayar.		

JADUAL PAMPASAN

Seksyen A	% jumlah asurans
1) Kematian	100%
Seksyen B	100%
1) Kehilangan Kedua-dua tangan	100%
2) Kehilangan Kedua-dua kaki	100%
3) Kehilangan penglihatan kedua-dua belah mata secara keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%
4) Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	100%
5) Kecederaan yang mengakibatkan terlantar di atas katil secara kekal	100%
6) Sebarang kecederaan lain yang mengakibatkan hilang upaya total dan kekal	100%
7) Lumpuh keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%

Bagi kecederaan yang tidak disenaraikan di atas, pampasan akan dibayar secara bersekadar dengan kehilangan yang dialami seperti dinyatakan dalam Polisi induk. Walau bagaimanapun jumlah bayaran tidak melebihi 100% dari jumlah asurans keseluruhan.

MANFAAT LANJUT SKIM INI

Penyakit Kritikal dan Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD)

Manfaat penyakit kritikal akan dibayar apabila doktor telah mengesahkan bahawa ahli telah didiagnosis dengan salah satu daripada 36 penyakit kritikal.

Cadangan yang diterima di bawah Promosi Istimewa tanpa pengunderaitan

- 1) Jika suatu tuntutan bagi manfaat TPD atau Penyakit Kritikal dibuat dalam tempoh 6 bulan pertama daripada permulaan insurans dan bukan disebabkan kemalangan, hanya 50% daripada Manfaat TPD atau Penyakit Kritikal akan dibayar.
- 2) Tuntutan penuh bagi manfaat TPD atau Penyakit Kritikal akan dibayar bagi tuntutan yang dibuat selepas 6 bulan permulaan insurans.
- 3) Manfaat tidak akan dibayar untuk sebarang TPD disebabkan TPD sedia ada atau Penyakit Kritikal sedia ada; atau sebarang Penyakit Kritikal yang didiagnosis dalam tempoh 60 hari pertama daripada potongan gaji / komisen / potongan akaun bank atau daripada tarikh borang cadangan ini diterima oleh Great Eastern selepas potongan premium, mana yang berlaku dahulu ("tarikh berkuat kuasa") atau bagi sebarang tuntutan Penyakit Kritikal yang berlaku disebabkan Penyakit Kritikal sedia ada.

Cadangan yang diterima dengan pengunderaitan

- 1) Jumlah asurans penuh akan dibayar apabila TPD atau Penyakit Kritikal berlaku.
- 2) Manfaat tidak akan dibayar untuk sebarang Penyakit Kritikal sedia ada sebelum tarikh berkuat kuasa dan sakit yang didiagnosis kali pertama dalam tempoh 60 hari pertama daripada tarikh berkuat kuasa.
- 3) Manfaat tidak dibayar jika TPD disebabkan TPD sedia ada.

Perlindungan bagi seseorang hayat yang diasuranskan di bawah Polisi akan tamat apabila suatu tuntutan telah dibayar untuk manfaat ini.

Kematian (Disebabkan Sakit atau Secara Semula Jadi)

Cadangan yang diterima di bawah Promosi Istimewa tanpa pengunderaitan

- 1) Jumlah asurans penuh akan dibayar apabila kematian berlaku.
- 2) Namun, jika suatu tuntutan bagi Manfaat Kematian berlaku dalam tempoh 2 tahun pertama permulaan insurans disebabkan gangguan sedia ada, hanya 50% daripada Manfaat Kematian akan dibayar. Tuntutan penuh Manfaat Kematian hanya boleh dibayar selepas 2 tahun permulaan insurans.

Cadangan yang diterima dengan pengunderaitan

- 1) Jumlah asurans penuh akan dibayar apabila kematian berlaku.
- 2) Namun, manfaat tidak akan dibayar jika kematian disebabkan keadaan sedia ada yang tidak didedahkan sebelumnya.

Kematian serta Hilang Upaya Total dan Kekal (akibat kemalangan)

Jumlah Asurans yang dibayar bagi Kematian / TPD akibat kemalangan adalah dua kali ganda daripada jumlah asurans. Amaun tuntutan yang boleh dibayar bagi hilang upaya separa dan kekal akan dibuat mengikut Jadual Pampasan yang dinyatakan dalam Polisi Induk.

Dana Persaraan

Ahli yang mencapai umur 75 tahun hari jadi berikutnya layak menebus semua unit baginya yang terdapat dalam Dana Lion Balanced dan nilai penebusan adalah berdasarkan nilai aset bersih, dengan syarat ahli tidak membuat sebarang tuntutan yang menyebabkan penamatan polisi.

Nilai Serahan

Jika ahli memilih untuk menyerahkan polisi sebelum mencapai umur 75 tahun hari jadi berikutnya, tertakluk kepada penyertaan berterusan selama minimum 12 bulan, ahli layak untuk menebus semua unit baginya yang terdapat dalam Dana Lion Balanced dan nilai penebusan adalah berdasarkan nilai aset bersih.

Perbelanjaan Pengebumian

Manfaat ini dibayar sebagai tambahan bagi manfaat kematian.

Anggaran Jumlah Nilai Pelaburan @ umur 75 tahun hari jadi berikutnya, bagi sumbangan RM 40 + RM 4 / bulan (elaun kemasukkan hospital)

Tempoh Polisi	Jumlah Sumbangan	Anggaran Nilai Pulangan	
		Unjuran Pulangan Pelaburan Dana: Y%	Unjuran Pulangan Pelaburan Dana: X%
		8 % (RM) 1 – 20 Tahun	3 % (RM) 1 – 30 Tahun
		5.5 % (RM) 21 – 30 Tahun	
5	2,640	773	689
10	5,280	1,826	1,440
15	7,920	3,258	2,260
20	10,560	5,208	3,154
25	13,200	7,085	4,130
30	15,840	9,374	5,195

Unjuran seperti ditunjukkan di atas hanyalah berdasarkan andaian. Pulangan sebenar mungkin berbeza bergantung kepada faktor seperti caj insurans dan 1% caj pengurusan dana. Andaian unjuran yang digunakan di atas adalah berdasarkan:

- 1.) Bilangan penyertaan minimum bagi skim ini adalah 500 sepanjang tempoh polisi.
- 2.) Purata beban umur hayat yang diasuranskan bagi skim ini adalah 37 tahun hari jadi berikutnya.
- 3.) Tiada kadar kematian yang luar biasa.

Peruntukan premium untuk sumbangan RM 40 / bulan

Tahun Polisi		Tahun 1 – 16	17 dan seterusnya
Jumlah Premium yang dibayar		480	480
Peruntukan Premium	%	88%	88%
	RM	422	422

Dana Lion Balanced

Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (julat di antara 40% hingga 60%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada tahap mudah ubah sederhana.

Prestasi Dana

Tahun	Dana Lion Balanced
2011	6.62%
2012	8.52%
2013	22.03%
2014	2.84%
2015	7.53%

Prestasi masa lalu bukanlah petunjuk bagi prestasi masa hadapan dan prestasi dana adalah tidak dijamin.

SOAL JAWAB

S. Bolehkah pasangan/anak meneruskan penyertaan dalam skim ini jika ahli meninggal dunia/menjadi hilang upaya/didiagnosis dengan salah satu daripada 36 Penyakit Kritikal sebelum mencapai umur 75 tahun hari jadi berikutnya?

J. Ya. Mereka boleh meneruskan skim sehingga mereka mencapai umur 75 tahun hari jadi berikutnya.

S. Bolehkah ahli/pasangan/anak memohon untuk membuat lebih sumbangan?

J. Ya. Ahli/pasangan/anak perlu memohon semula dengan melengkapkan borang Cadangan Berkelompok standard untuk mendapat kelulusan dan tidak melebihi manfaat maksimum yang dibenarkan Great Eastern.

S. Adakah Great Eastern akan membayar Manfaat Kematian penuh jika ahli meninggal dunia akibat bunuh diri?

J. Great Eastern akan membayar Manfaat Kematian penuh disebabkan bunuh diri yang berlaku selepas 12 bulan perlindungan polisi.

S. Bolehkah saya meneruskan penyertaan dalam skim ini jika saya bersara atau berhenti kerja sebelum umur matang 75 tahun hari jadi berikutnya?

J. Ya. Anda boleh meneruskan penyertaan sehingga umur 75 tahun hari jadi berikutnya dan premium hendaklah dibayar menggunakan Perkhidmatan Debit Terus (DDA), iaitu potongan bank atau kad kredit.

S. Bolehkah tanggungan menikmati jumlah asurans yang lebih tinggi berbanding ahli?

J. Tidak. Jumlah asurans tanggungan hendaklah sama atau lebih rendah daripada ahli.

S. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya ingin menyerahkan polisi?

J. Anda perlu melengkapkan borang serahan dan hantar kepada Great Eastern serta memaklumkan ejen perkhidmatan masa yang sama untuk menghentikan potongan gaji.

S. Berapakah yuran dan caj semasa?

J. Caj insurans: Dikenakan mengikut jumlah asurans dan berbeza mengikut profil umur purata serta pengalaman tuntutan bagi skim. Caj insurans bagi rider Kemalangan Peribadi dan rider "Living Assurance" tertakluk kepada Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP), iaitu jumlah yang anda perlu bayar. Premium bagi rider Manfaat Kemasukan Hospital (jika ada) tertakluk kepada CBP iaitu jumlah yang anda perlu bayar.

Yuran Polisi Bulanan: RM 2.12

Caj Pengurusan Dana: 1% setahun

Nota: Yuran dan caj yang dikenakan mungkin berubah dari semasa ke semasa. Yuran polisi bulanan tertakluk kepada Cukai Barang dan Perkhidmatan ("CBP") serta amaun yang dinyatakan di atas adalah termasuk dengan CBP.

PENGECUALIAN

Kematian / Hilang Upaya Total dan Kekal / Hilang Upaya Separa dan Kekal (akibat kemalangan)

- Disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras.
- Disebabkan sebarang bentuk penerbangan udara kecuali sebagai penumpang dalam penerbangan biasa berjadual.
- Sedia wujud sebelum tarikh berkuat kuasa.
- disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan.
- Akibat daripada serangan provokasi, dadah, selam skuba, sebarang bentuk perlumbaan (selain daripada berjalan kaki).

Penyakit Kritikal

- Sedia ada sebelum perlindungan bermula.
- Didiagnosis dalam tempoh enam puluh (60) hari pertama daripada tarikh potongan pertama gaji.
- Penyakit kritikal disebabkan sakit sedia ada.

TUNTUTAN ANAK

Jika kematian berlaku atau diagnosis penyakit kritikal dibuat sebelum Anak yang Diasuranskan mencapai umur 5 tahun hari jadi berikutnya, manfaat Kematian, Hilang Upaya Total dan Kekal serta Penyakit Kritikal akan dibayar berdasarkan jadual berikut:

Umur Hari Jadi Berikut	Amaun yang Dibayar bagi Kematian atau Diagnosis Kejadian Utama
1	20% daripada Jumlah Asurans Asas
2	40% daripada Jumlah Asurans Asas
3	60% daripada Jumlah Asurans Asas
4	80% daripada Jumlah Asurans Asas
5	100% daripada Jumlah Asurans Asas

Notis Penting:

- 1) Borang cadangan ini hanya sah untuk tempoh enam (6) bulan daripada tarikh cadangan. Borang cadangan yang telah dilengkapkan hendaklah dikembalikan dengan segera untuk mengelakkan sebarang kelewatan.
- 2) Menurut Perenggan 10(2), Jadual 8 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, penyelarass Skim akan menerima 2% daripada jumlah premium sebagai yuran perkhidmatan.
- 3) Pembelian pelan insurans berkait pelaburan adalah komitmen jangka panjang. Pembatalan awal polisi mungkin mengakibatkan kos yang tinggi dan nilai penebusan turut bergantung kepada nilai pasaran semasa aset yang mendasari dana. Oleh itu, nilai penebusan mungkin kurang daripada jumlah premium yang telah dibayar. **Produk ini merupakan produk insurans dengan berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.**
- 4) Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Ilustrasi Jualan, Risalah Pemberitahuan Produk, Risalah Pernyataan Dana, buku panduan Insurans Perubatan dan Kesihatan untuk pengguna serta contoh kontrak polisi yang boleh didapati daripada pemegang polisi induk/ejen anda masing-masing untuk mendapatkan pemahaman lebih baik berkenaan skim ini.
- 5) Menurut Perenggan 2, Jadual 8 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, hayat yang diasuranskan mempunyai tempoh 15 hari daripada tarikh penerimaan polisi untuk meneliti terma dan syarat. Hayat yang diasuranskan boleh membatalkan polisi dalam tempoh memerhati bebas selama 15 hari. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, syarikat akan membayar balik suatu amaun yang bersamaan jumlah (a) jumlah nilai pelaburan polisi berdasarkan nilai aset bersih (NAV) pada tarikh penilaian; dan (b) nilai pelaburan unit yang telah dibatalkan untuk bayaran caj insurans dan yuran polisi; dan (c) amaun premium yang belum diperuntukkan; tolak perbelanjaan yang ditanggung bagi pemeriksaan perubatan, jika ada (semasa tempoh promosi sahaja).
- 6) Syarikat berhak mengubah kadar dalam Jadual Manfaat dan/atau Jadual Premium dan/atau terma dan peruntukan Polisi ini (termasuk Syarat Am dan Peruntukan Am) dari semasa ke semasa mengikut budi bicara tunggal dan mutlak yang dianggap sesuai, dengan memberi notis bertulis selama tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Polisi.
- 7) Risalah ini hanyalah untuk maklumat sahaja. Ia bukan suatu kontrak insurans. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.
- 8) Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar.
- 9) Caj insurans adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Semakan semula yang melibatkan peningkatan caj asurans, jika ada, akan dilakukan pada ulang tahun polisi anda dan kami akan memaklumkan anda secara bertulis sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum semakan semula dilakukan. Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad berhak menyemak semula struktur manfaat dan sekatan/had bagi rider ini pada ulang tahun polisi atau semasa pembaharuan dengan memberi notis sekurang-kurangnya 30 hari.
- 10) Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, Bahasa Inggeris akan digunakan.

<u>Agensi Pemasaran & Perkhidmatan</u>	<u>Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia</u>	<u>Ibu Pejabat</u>
Tony Ng & Associates 39, (1 st Floor) Lebuah Bishop 10200, Pulau Pinang Tel: 04- 262 8998 Fax : 04- 263 1321 Email : service@nutpinsurance.com	13 & 15, Jalan Murai Dua Kompleks Batu Off Jalan Ipoh 51100, Kuala Lumpur Tel : 03- 6251 0621	Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad Menara Great Eastern, Tingkat 8 303 Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur Helpline : 03- 4813 3818 Fax : 03-4259 8899